

18 MAR 1997

Mahathir-Alam

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT JAGA ALAM SEKITAR

JERANTUT, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat memelihara alam semulajadi kerana ia adalah modal besar dan aset negara yang mampu memberi pendapatan yang lebih lagi kepada mereka.

"Cara mana kita gunakannya amat penting kerana ia akan menentukan kita kaya atau miskin," katanya semasa majlis perjumpaan bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Kuala tahan di sini.

Alam semulajadi adalah kurniaan tuhan dan rakyat harus berhati-hati menggunakannya supaya keindahan dan kecantikannya tidak terjejas, katanya.

Kerajaan mengalakkan sektor pelancongan kerana ia adalah hasil sepanjang masa, katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir membidas orang yang cukup sayang kepada kecantikan alam sekeliling sehingga tidak sanggup membiarkan orang lain melihat dan menikmatinya.

Beliau mengingatkan jika alam sekeliling tidak dijaga pelancong tidak akan datang dan pendapatan rakyat tidak akan bertambah.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu menolong rakyat menambah pendapatan tetapi mereka perlu berusaha menggunakan alam sekeliling untuk memajukan diri sendiri.

"Kita mahu kelas pertengahan terutamanya Bumiputera bertambah. Sebab itu rakyat harus berusaha kerana kerajaan hanya beri tunjuk ajar," katanya.

Kerajaan mahu bantu rakyat tetapi ada yang mahu buang peluang itu.

"Kita buka rancangan Felda di Perlis tetapi kini mereka dah kaya dan gunakan khidmat orang Thai untuk toreh getah. Orang Thai penuh dalam rancangan Felda dan buat rumah di situ dan tak lama lagi tanah itu jadi dia punya," katanya.

Beliau menyifatkan perbuatan itu sebagai "beri peluang cari duit kita sendiri buang peluang itu".

Mengenai lawatannya ke Taman Negara, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan pembangunan di sekitar kawasan itu.

Banyak perubahan dapat dilihat di situ (Taman Negara) sejak kali terakhir beliau ke sana 11 tahun lepas, katanya.

Beliau berpuas hati kerana bilangan pelancong yang ramai mengunjungi Taman Negara kerana ia secara langsung dapat menambah pendapatan rakyat tempatan malah kini terdapat tempat makan seperti lima restoran terapung.

-- BERNAMA

ARA PR